

## → JENAYAI

9/4/17

## Lima diberkas ketika jual beli dadah

**Shah Alam:** Polis Selangor berjaya menumpaskan sindiket dadah yang giat menjalankan kegiatan jual beli bahan terlarang itu secara terbuka di beberapa lokasi awam sejak setahun lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin, berkata hasil risikan dan maklumat awam, sepasukan pegawai serta anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri menahan dua lelaki bersama tiga wanita di hadapan sebuah restoran di Bandar Baru Bangi, pada jam 2 petang, Khamis lalu.

"Semua suspek warga tempatan berusia lingkungan 34 hingga 44 tahun itu ditahan di dalam sebuah kereta bersama syabu seberat 5.07 kilogram bernilai RM355,250.

"Serbuan dilakukan ketika mereka melakukan transaksi jual beli dadah dalam kereta terbabit dan daripada lima yang ditahan, empat adalah ahli sindiket manakala seorang lagi pembeli bahan terlarang itu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di sini, semalam.

### Bergiat cergas di 4 negeri

Noor Azam berkata, siasatan awal mendapati sindiket itu bergiat cergas di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Melaka.

"Bekalan dadah yang dirampas ini diambil dari Johor untuk pasaran di sekitar Lembah Klang. Suspek yang ditahan bekerja sebagai jurukimpal, tukang jahit, mekanik dan jurujual manakala seorang penganggur.

"Dadah ini dianggarkan boleh dibekal kepada 10,150 penagih sehari dengan kiraan pengambilan 0.5 gram seorang," katanya.